

## PEMBIAYAAN PERAYAAN

1. Pembiayaan ini bertujuan memberi kemudahan kewangan kepada anggota bagi membuat persiapan perayaan berikut :
  - i) Hari Raya Aidil Fitri / Hari Raya Aidil Adha
  - ii) Tahun Baru Cina
  - iii) Hari Keamatan / Pesta Menuai
  - iv) Hari Gawai / Hari Dayak
  - v) Deepavali
  - vi) Hari Krismas
2. Syarat-syarat Dan Kelayakan Pemohon
  - 1) Kelayakan Pemohon  
Pemohon mestilah telah menjadi anggota selama enam bulan.
  - 2) Had Pembiayaan  
Jumlah maksimum pembiayaan adalah sebanyak RM2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja)
  - 3) Bayaran Proses  
Bayaran proses yang dikenakan adalah RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja).
  - 4) Caj Perkhidmatan  
Caj Perkhidmatan adalah kadar rata sebanyak 4.5% setiap setahun.
  - 5) Jaminan Pembiayaan  
Pembiayaan ini hendaklah dijamin oleh seorang (1) orang penjamin yang layak menjamin.
  - 6) Tempoh Bayaran Balik  
Tempoh maksimum pembayaran balik adalah 24 (dua puluh empat) bulan sahaja.
  - 7) Pembiayaan Bertindih
    - i) Anggota yang masih mempunyai baki pembiayaan Bai Al Inah dibenarkan untuk membuat permohonan pembiayaan bertindih. Baki pembiayaan lama akan ditolak dari jumlah cek pembiayaan yang baru.
    - ii) Mana-mana anggota yang menggunakan kemudahan pembiayaan bertindih akan diberi rebat 50% (Lima Puluh Peratus Sahaja) kepada baki caj perkhidmatan pembiayaan lamanya.
    - iii) Anggota juga boleh menyelesaikan mana-mana baki pembiayaan lain melalui cek pembayaran pembiayaan ini.

- 8) Peminjam adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Am Bagi menjalankan Aktiviti Pembiayaan Koperasi Serbaguna Kakitangan MAS.
- 9) Kelulusan permohonan untuk pembiayaan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat potongan yang diperuntukan oleh Akta Buruh.
- 10) Pemohon dikehendaki membayar premium Tabung Perlindungan Pembiayaan yang disediakan KSK MAS.
- 11) Anggota boleh membuat permohonan pembiayaan ini 2 bulan sebelum perayaan atau 1 bulan selepas perayaan.

Dokumen-dokumen Yang Diperlukan :-

Pemohon

- Penyata gaji terkini (asal) dan salinannya.
- Salinan Kad Pengenalan
- Salinan Kad Pekerja

Penjamin

- Salinan Kad Pengenalan
- Salinan Kad Pekerja

Diakui Pembiayaan Perayaan ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke Dua Belas pada 21hb Jun 2009.